

AKADEMIA @UTeM

www.utem.edu.my



**UTeM dan
Revolusi Industri 4.0**

**Pelajar Sertai
CEO Faculty Programme
di Kampung Ulu Tual**

**Keanggotaan UTeM
di peringkat Antarabangsa**

**PPSH Terokai
Program Separa Masa**

**1,000 Pelajar sertai
Jelajah UPU Melaka 2017**

SIDANG REDAKSI

Penaung

Profesor Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad

Ketua Editor

En. Wahi bin Nordin

Editor

En. Mohd Erwan bin Md Yusop

Sekretariat

Pn. Siti Norain binti Yaakop

En. Jalaludin bin Mohd Diah

Reka Letak & Reka Bentuk

Pn. Nur Fathiah binti Zulkifli

Pembaca Pruf

Dr. Muliati binti Sedek

Percetakan

Penerbit UTeM Press

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Kampus Bandar, Aras 1, Blok B, Jalan Hang Tuah

75300, Melaka

KATA ALUAN KETUA EDITOR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Akademia@UTeM merupakan wadah bagi memaparkan berita, aktiviti, nukilan serta artikel yang mana ruang lingkupnya berkisar dengan pelbagai aktiviti akademik di UTeM.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Pengurusan Tertinggi khususnya Y.Bhg Profesor Datuk Dr. Mohd Razali bin Mohamad, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) di atas idea serta sokongan ke atas Akademia@UTeM ini. Penghargaan juga buat Sidang RedaksiAkademia@UTeM atas kesungguhan menjayakan penerbitan buletin ini.

Sekian,

Wahi Bin Nordin,

Ketua Editor

Akademia@UTeM

KANDUNGAN

- 01 UTeM dan Revolusi Industri 4.0
- 04 Majlis MoU antara UTeM dan Jabatan Tenaga Manusia (JTM)
- 05 Bengkel Semakan Kurikulum : Ke Arah Universiti 4.0
- 06 Jelajah Pendidikan Bumiputera 2017 SMK Munshi Abdullah, Melaka
- 07 Pensyarah UTeM Dipilih ke *CEO Faculty Programme*
- 08 *CEO Faculty Programme* Bersama Samsung di Kampung Ulu Tual
- 09 1,000 Pelajar Sertai Jelajah UPU Melaka 2017
- 10 Paparan Sepanjang Jelajah UPU Melaka 2017
- 11 Karnival e-Pembelajaran
- 12 *International University Carnival on e-Learning*
- 13 Pendaftaran Pelajar Baru Program Separa Masa
- 14 Info : Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat
- 15 International Office Activities / MoU / MoA
- 16 Keanggotaan UTeM dalam IMT-GT UNINET
- 16 UTeM Anggota Asia Technological *University Network (ATU-Net)*
- 17 Lawatan Industri Pelajar Pascasiswazah : Vitrox Technologies
- 17 Sidang Kemuncak Pendidikan Tinggi Eurasian 2017
- 18 Lawatan Penanda Aras ke GESTURZ
- 19 Essential English Oracy Skills for Academics
- 20 *Redesigning Learning for 21st Century: A Way Forward*
- 20 Info : Pusat Pembangunan Keusahawanan
- 21 Program “*Double Degree*” antara UTeM – HsH, Jerman
- 22 *Autodesk Malaysia Design Competition (AMDC) 2016*
- 23 Kenali Alumni UTeM
- 24 Aktiviti Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)



KATA ALUAN

PROFESOR DATUK DR. MOHD RAZALI BIN MUHAMAD
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Tahun 2017 telah hampir berlalu dengan pelbagai program dan aktiviti Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dilaksanakan dalam suasana dinamik serta penuh dengan semangat berpasukan. Pelan Strategik UTeM 2012-2020 adalah tunjang rujukan, diperkukuhkan dengan Amanat 2017 YB Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi yang bertemakan 'Merekabentuk Semula Pendidikan Tinggi' dan juga Amanat YBhg Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibuddin, Naib Canselor UTeM yang menekankan '*Sepakat Ihsan, Persada Gemilang*'. Pelbagai strategi dan pelan tindakan telah diperhalusi dan dilaksanakan demi memenuhi Indeks Prestasi Utama (*Key Performance Index, KPI*). Dedikasi, kreativiti dan inisiatif warga Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) telah menyerlah dalam bersama-sama mengharungi cabaran dan isu yang timbul semasa pengoperasian strategi.

Pelaksanaan dan penguatan lonjakan-lonjakan yang terangkum dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pendidikan Tinggi (2015-2025) terus menjadi agenda akademik UTeM. Antara pencapaian akademik yang menonjol termasuk penubuhan secara rasmi Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat, penawaran empat program baru di Fakulti Teknologi Kejuruteraan, pelaksanaan kursus Bahasa Mandarin secara MOOC, dan penawaran dua program ijazah sarjana muda secara Separa Masa. Pelaksanaan iCGPA diteruskan untuk tahun kedua bagi kemasukan pelajar Sesi 2017/18. Disamping itu beberapa bengkel dan perbincangan telah berlangsung dalam usaha untuk menawarkan beberapa program baru sama ada di peringkat sarjana muda mahupun sarjana. Di persada antarabangsa, UTeM terus mengorak langkah dengan penerusan pelaksanaan MoA/MoU yang telah ditandatangani, di samping meneroka beberapa MoA/MoU yang baru.

Di kesempatan ini saya merakamkan penghargaan yang tak terhingga kepada semua staf Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), termasuk Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik (PPPA), Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP), Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran (PSTP) dan Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (PPSH). Saya juga mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua pusat tanggungjawab lain yang telah memberi kerjasama dan bantuan kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dalam semangat '*Sepakat Ihsan, Persada Gemilang*'.

Terima kasih.

UTeM DAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0

Oleh : Profesor Madya Dr. Muhammad Fahmi bin Miskon,
Pegawai, Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik



Latar belakang

UTeM dengan visi ‘Menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia’ dan slogan ‘*Always a Pioneer, Always Ahead*’ sentiasa cakna dengan perubahan senario antarabangsa dan tempatan dalam memastikan ia terus relevan di persada dunia.

Revolusi industri 4.0 menjadikan sempadan alam maya dan alam fizikal menjadi kabur. Revolusi digital mengubah produk dan perkhidmatan pelbagai industri. Ia membolehkan pemesanan kereta sewa, penempahan tiket kapal terbang, pembelian barangan, pembayaran, mendengar muzik, menonton filem, atau bermain permainan boleh dilakukan melalui internet. Seharusnya, universiti perlu mengambil teladan daripada anjakan dalam industri-industri yang lain supaya kekal relevan dari sudut program-program yang ditawarkan dan dari sudut kaedah penyampaian kurikulum.

Revolusi industri 4.0 dipacu oleh perkembangan pesat pendigitalan dan kuasa pemprosesan dalam tiga cabang teknologi utama iaitu teknologi digital (seperti *sensor*, *GPS*, *hyperconnectivity*, *Internet of things*, *platform digital*, *distributed ledger*), teknologi fizikal (seperti *autonomous vehicle*, *3D printing*, *advanced robotics*, bahan baru) dan teknologi biologi (seperti *genetic sequencing*, *personalized medicine*, *bioprinting*, *constant health monitor*, *synthetic biology* dan *human augmentation*).

“Bagaimana teknologi mempengaruhi kehidupan dan membentuk ekonomi, sosial, budaya, dan persekitaran kemanusiaan?”

Dalam sektor pembuatan di Malaysia, sambutan terhadap kesediaan penajaran amalan industri dalam revolusi industri 4.0 masih sederhana rendah. Berdasarkan kaji selidik MITI, hanya 30% daripada 300 syarikat di bawah FMM dengan modal berbayar RM50 juta bersetuju untuk melabur sejajar dengan perkembangan 4IR. Selebihnya kurang berminat kerana faktor peningkatan kos dan kekurangan pekerja mahir untuk menjajarkannya.

Dapatan ini mengukuhkan lagi kepentingan mewujudkan ekosistem perniagaan yang lengkap untuk pemain industri bergantung dengan sumber yang boleh diharapkan.

Dalam hal ini pada Jun 2016, Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) bersama dengan TalentCorp, *Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd (MDeC)*, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Kementerian Sumber Manusia (MOHR) diminta untuk membuat semakan terhadap kandungan kurikulum di kolej dan universiti di mana ianya penting untuk memasukan elemen teknologi yang sedang berkembang sejajar dengan 4IR ke dalam program pendidikan dan latihan kemahiran.



Berikut adalah antara tindakan yang perlu diambil UTeM bagi memenuhi keperluan Revolusi Industri 4.0

1.1 Program akademik dan kurikulum

1. UTeM perlu mewujudkan kursus elektif pengkhususan, latihan industri, projek sarjana muda dan projek rekabentuk bersepadu yang dipacu Revolusi Industri 4.0. Kursus elektif pengkhususan ini ditambah kepada program sedia ada dan ditawarkan kepada kohort semasa terutamanya pelajar tahun 3 dan 4. Kaedah ini sesuai untuk memenuhi permintaan pekerjaan dengan ciri berikut:

- saiz permintaan sederhana
- tempoh permintaan berjangka pendek
- jenis pekerjaan yang khusus
- keperluan pada kadar segera.

Perubahan kurikulum haruslah kurang daripada 30% supaya dapat di laksanakan dengan kadar segera


Jadual 1 menunjukkan kursus dan jumlah kredit yang terlibat dalam penawaran pengkhususan elektif boleh mencapai sehingga 33 jam kredit atau ~25% daripada jumlah kredit keseluruhan. Keperluan Revolusi Industri 4.0 akan dirujuk untuk mengetahui senarai nama pekerjaan dan sektor yang boleh dijadikan kursus elektif pengkhususan.

Jadual 1: Kursus dan jumlah kredit terlibat dalam penawaran pengkhususan elektif

KURSUS	JAM KREDIT
Projek Rekabentuk Bersepadu	3
Latihan Industri	5-12
Projek Sarjana Muda	6
Elektif (1-4)	12
JUMLAH	26-33

Penambahbaikan kurikulum boleh dilakukan dengan tujuan bagi memenuhi keperluan *Cyber Physical System 5C architecture* iaitu satu model yang menjelaskan rangka Industri 4.0. Rajah 1 menunjukan *Cyber Physical System 5C architecture* dan pengetahuan berkaitan yang diperlukan.

Rajah 1: Pengetahuan diperlukan untuk memenuhi keperluan *Cyber Physical System 5C Architecture*.



2. UTeM perlu mewujudkan program pelbagai disiplin (*multi-discipline*) menerusi kaedah major dan minor. Tujuannya ialah supaya graduan berpeluang melengkapkan diri mereka dengan ilmu daripada multi-disiplin yang membantu fungsi mereka dalam industri pada masa hadapan terutamanya mengikut keperluan Revolusi Industri 4.0. Antara bidang pelengkap yang penting pada masa ini adalah:

- teknologi digital,
- undang-undang,
- kewangan,
- perniagaan dan
- pengurusan

3. UTeM perlu mewujudkan program dan kursus untuk pembelajaran sepanjang hayat yang menyokong peningkatan pengetahuan dan kemahiran berkaitan Revolusi Industri 4.0 kepada tenaga kerja sedia ada di pasaran. Cadangan kategori program dan kursus yang akan dibangunkan adalah seperti berikut:

- Program mod separa masa
- Program yang mengiktiraf dan menerima kredit pindah daripada pengalaman kerja lepas (RPEL dan APEL (C))
- Program yang mengiktiraf dan menerima kredit pindah daripada MOOC
- Kursus MOOC
- Kursus sijil profesional
- Kursus pembangunan profesional berterusan (CPD)

4. UTeM perlu menerapkan ke dalam kurikulum kemahiran yang diperlukan berdasarkan dapatan dari kajian yang dijalankan World Economic Forum berkenaan ciri-ciri kemahiran insaniah abad 21 baru yang diperlukan industri.

Jadual 2: Kemahiran masa hadapan berdasarkan kajian World Economic Forum.

TOP 10 SKILLS OF THE FUTURE (2020)
Complex Problem Solving
Critical Thinking
Creativity
People Management
Coordinating with Others
Emotional Intelligence
Judgement and Decision Making
Service Orientation
Negotiation
Cognitive Flexibility

5. UTeM perlu mewujudkan kursus-kursus dipacu industri yang menjadi kursus elektif pengkhususan dengan menggunakan kaedah pembangunan kurikulum dipacu industri yang lebih berkesan. Kursus ini juga akan ditawarkan kepada pekerja industri untuk menambah kompetensi mereka dan memenuhi keperluan pekerjaan.

6. UTeM perlu menyediakan kurikulum tambahan (augmented curriculum) tanpa kredit sebagai nilai tambah pelajar. Kursus yang terlibat adalah seperti berikut:

- Kursus sijil profesional
- Program pelatih industri

1.2 Kaedah Penyampaian

1. UTeM perlu memperkasakan kaedah penyampaian menggunakan teknologi terkini. Ini merupakan usaha bagi memastikan kaedah penyampaian UTeM kekal relevan dengan perubahan dunia yang dicetuskan Revolusi Industri 4.0. Kesan '*Destructive Technology*' kepada industri tekstil, perhotelan dan pasaraya dijadikan pengajaran. Kesannya kepada institusi pendidikan pasti akan turut berlaku. Dari segi tadbir urus, UTeM sudah pun mempunyai sebuah Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran yang merancang dan membangun dengan teliti perkara tersebut. Justeru penekanan kepada kaedah penyampaian menggunakan teknologi baru akan diberikan termasuk senarai berikut:
 - a. *Learning Content Management System (LCMS)/ULearn base on Moodle* yang meningkatkan kecekapan proses pengajaran dan pembelajaran.
 - b. *Open Courseware (OCW)/Massive open online courses (MOOC)* yang dapat meluaskan akses pelajar seluruh dunia.
 - c. Gamifikasi menggunakan Teknologi Komputer dan Internet yang meningkatkan keterlibatan dan pemahaman pelajar.
 - d. Teknologi '*virtual augmentation*' perlu digunakan dalam penyampaian kurikulum dengan khidmat kepakaran penyelidikan dalam bidang tersebut di UTeM.
 - e. Pemerksaan UTeM *Youtube Channel* dan siri *Educational YouTube Video* bagi meningkat akses dan menyebarkan penyampaian ilmu dan pengaruh UTeM ke seantero dunia dengan pantas. Pautan *Facebook* dan *Whatsapp* akan digunakan bagi menjadikan video-video tersebut '*viral*'.

1.3 Pentaksiran dan Penilaian Pendidikan

1. UTeM perlu mengukur dan memaparkan pencapaian atribut pelajar dalam bentuk **Purata Nilai Gred Kumulatif (iCGPA) bersepadu**. Pelaporan iCGPA akan digunakan semua pemegang taruh termasuk pelajar dan pihak UTeM sendiri untuk tindakan penambahbaikan dan untuk memberi maklumat tambahan kepada majikan untuk tujuan pengambilan pekerja. Kriteria baru penilaian yang diperlukan oleh Revolusi Industri 4.0 akan dibangunkan.
2. UTeM perlu memanfaatkan *big data analytic* dalam proses penambahbaikan berterusan dengan menggunakan data pentaksiran dan penilaian yang ada dalam usaha ke arah memperkasakan *personalized learning environment*.

1.4 Fasiliti Pendidikan

1. UTeM perlu memperkasakan konsep **inkubator atau kilang pengajaran yang lestari sesuai dengan tahap pengajian TVET tinggi (tahap 6, 7 dan 8) dengan kerjasama daripada rangkaian *quadruple helix* (industri-akademia-komuniti-kerajaan)**. Penekanan terhadap ekosistem perindustrian 4.0 yang lengkap ditekankan seperti berikut:
 - a. Penswastaaan - Kilang pengajaran akan menjadi kilang yang beroperasi sepenuhnya dan menjana pendapatan secara tetap melalui konsep penswastaaan dan perkongsian ruang pejabat/kilang.
 - b. Tenaga kerja lengkap - Kerjasama dengan institusi TVET tahap 1 hingga 5 diperlukan untuk membekalkan pelatih bagi melengkapi pelatih daripada tahap 6 hingga 8. Penyampaian menerusi kaedah *work based learning* dan 2u2i akan memberi pelajar lebih masa untuk di kilang pengajaran.
 - c. Sokongan kontrak perniagaan - Pesanan *in-house* daripada kerajaan dan komuniti dapat menyokong perniagaan yang dijalankan.
 - d. Sokongan khidmat penyelidikan dan pembangunan-aktiviti penyelidikan oleh ahli akademik dalam pelbagai bidang dapat diberikan secara persefahaman bersama dengan pihak syarikat yang menjalankan kilang pengajaran.
 - e. Sokongan peralatan atas dasar kesepunyaan dan keserakanan-Kerjasama *quadruple helix* akan memudahkan perolehan peralatan.
 - f. Penggunaan teknologi tinggi seperti robotik dan *internet of things* akan ditekankan di kilang pengajaran.
2. UTeM perlu meningkatkan jumlah pusat latihan profesional dengan kerjasama daripada rangkaian *quadruple helix* (industri - akademia - komuniti - kerajaan). In terutamanya yang berkait dengan Revolusi Industri 4.0.

Kesimpulan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka sentiasa giat melaksanakan usaha merancang, membangun dan menambahbaik program akademik serta rekabentuk dan penyampaian kurikulum supaya sentiasa relevan dengan keperluan semasa di dalam dan luar negara. Revolusi Industri 4.0 merupakan perubahan terkini dan sifatnya yang pantas dalam mempengaruhi dan merubah pelbagai sektor industri menyebabkan tindakan yang cekap dan pantas perlu dilaksanakan di UTeM. Justeru di harap dengan cadangan yang diberikan, UTeM secara keseluruhannya terus kekal relevan malah memberi impak yang tinggi kepada masyarakat dan negara.



MAJLIS PERTUKARAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) DAN JABATAN TENAGA MANUSIA (JTM), KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Oleh: Sharifah Aishah Syd Ismail, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (PPSH)

Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) Antara UTeM dan Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Kementerian Sumber Manusia telah berjaya dilaksanakan pada 27 September 2017 sempena Majlis Perasmian Pelancaran TVET Malaysia di ADTEC, Shah Alam oleh Y.A.B Dato Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Majlis Pertukaran MoU ini telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTeM, Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad dan Ketua Pengarah JTM, Dato' Sri Nadzri Siron.

Antara bentuk kerjasama yang dipersetujui adalah program pembelajaran sepanjang hayat yang ditawarkan oleh UTeM kepada para pensyarah dan pelajar. Ini merangkumi perkongsian teoritikal, teknikal dan praktikal dalam bidang Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan. Disamping itu, aktiviti penyelidikan, penerbitan dan peluang melanjutkan pelajaran turut dipersetujui secara bersama. Program ini pada mulanya tertumpu pada ADTEC Shah Alam. Walaubagaimanapun, melalui Memorandum Persefahaman ini akan diperluaskan kepada beberapa institusi lain dibawah JTM, iaitu 8 buah ADTEC, 23 buah Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI).



BENGGKEL SEMAKAN KURIKULUM: KE ARAH UNIVERSITI 4.0

Oleh: Norihan binti Abu Nawar, Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik



Sejumlah 50 tenaga akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan Bengkel Semakan Kurikulum Program Akademik bertempat di Hotel Mudzaffar, Melaka. Bengkel tersebut dianjurkan oleh Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik (PPPA) bertujuan menyemak semula program-program akademik yang ditawarkan di UTeM agar selari dengan perkembangan industri 4.0.

Turut hadir ke Bengkel tersebut adalah Y.Bhg Profesor Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), UTeM. Dalam ucapan beliau telah menekankan aspek tanggungjawab moral yang perlu disandang oleh ahli akademik dalam usaha mendidik anak bangsa dengan ilmu yang terkini. Menurut beliau, Universiti memandang serius akan perkembangan revolusi 4.0 seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). UTeM seharusnya menjadi peneraju kepada revolusi ini memandangkan teknologi pengajaran yang digunakan adalah selari dengan hasrat pembangunan Negara. Program akademik UTeM perlu dinamik, relevan dan memenuhi keperluan semasa bagi cabaran akan datang.

Menurut Klaus Schwab dalam “*The Fourth Industrial Revolution*” menjelaskan bahawa Industri 4.0 mengubah cara kita bekerja dan hidup. Perubahan ini dipacu oleh tiga domain utama teknologi, iaitu fizikal, digital dan biologi yang merentasi sembilan tunggak industri 4.0. Antara tunggak utama industri 4.0 merangkumi simulasi dan realiti maya, integrasi sistem menegak dan melintang, industri *Internet of Things (IoT)*, keselamatan siber, pengkomputeran awan, pembuatan bahan tambahan, rantaian bekalan, analisis data raya dan robot automasi.



JELAJAH PENDIDIKAN BUMIPUTERA 2017 SMK MUNSHI ABDULLAH, MELAKA

Oleh:
Siti Norain binti Yaakop
Pejabat Timbalan Naib Canselor (A&A)

MELAKA, 5 April 2017 (Rabu) – Program Jelajah Pendidikan Bumiputera Melaka telah berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah, Batu Berendam. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Ir Idris Haron. Jelajah Pendidikan Bumiputera 2017 yang dianjurkan oleh Gerakan Pendidikan Bumiputera Malaysia, Yayasan Destini Anak Bangsa (YDAB) dan Koprojaya menyasarkan kumpulan belia lepasan sekolah terutamanya di luar bandar, miskin atau tercicir diberi peluang kedua untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.


Beberapa institusi pengajian tinggi awam dan swasta mengambil bahagian dalam siri jelajah ini. Antaranya UPM, UKM, UTHM, Aswara, UCAM, MICoST, KYM, UniKL, Kolej Komuniti, IKM, Giat MARA dan tidak ketinggalan juga UTeM.

Seramai 10 orang pelajar sukarelawan yang terdiri daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) terlibat sama bagi menjayakan aktiviti promosi tersebut. Kehadiran sukarelawan UTeM banyak berkongsi pengalaman mereka semasa di sana. UTeM telah mengambil inisiatif dengan menonjolkan aura teknikal dengan mempamerkan kereta *Formula Varsity* (FV) dan ia menjadi salah satu tarikan pengunjung.



PENSYARAH UTeM DIPILIH KE CEO FACULTY PROGRAMME 2.0

Oleh: Mohd Erwan bin Md Yusop, Pejabat Timbalan Naib Canselor (A&A)



CEO Faculty Programme (CFP) telah diwujudkan bagi memperhebatkan penyertaan daripada sektor industri dan sektor awam sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan tinggi negara melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran tokoh-tokoh dari industri serta agensi awam. Fasa pertama program ini yang dikenali sebagai CFP 1.0 dengan tema "Learn From the Pros" telah dilancarkan pada 2015 dengan penyertaan awal seramai 24 CEOs.

Kini, jumlah penglibatan CEO adalah menghampiri 70 orang. Pada masa kini, UTeM telah dipadankan dengan tiga orang CEO dari Samsung dan Infineon, antaranya ialah Mr. Lee Sang Hoon (Samsung), Datuk Roh Jae Yeol (Samsung), Mr. Lee Cheong Chee (Infineon) dan baru-baru ini satu lagi CEO telah dipadankan dengan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (UTeM) iaitu Mr. Steven Ge Yu Qiao dari Syarikat ZTE Malaysia. Rentetan daripada kejayaan CFP 1.0, maka, pihak KPT telah mengorak langkah dengan memperkenalkan fasa 2 yang dikenali sebagai CFP 2.0 yang bertemakan "Coached by the Pros".

Pihak KPT telah membuka permohonan kepada pensyarah muda yang berusia antara 30 hingga 40 tahun untuk mengikuti program ini. Sebanyak 500 permohonan diterima oleh KPT dan daripada jumlah ini seramai 120 orang pensyarah muda telah disenarai pendek untuk ditemubual oleh panel penemuduga yang dilantik oleh pihak KPT.



Profesor Madya Dr. Mohd Shakir bin Md Saat dua dari kiri bersama Mr. Lee Cheong Chee

Seterusnya, daripada jumlah ini hanya 60 orang pensyarah terpilih untuk ditemuduga oleh CEO untuk pemilihan peringkat akhir. Salah seorang calon yang berjaya adalah dari UTeM iaitu Profesor Madya Dr. Mohd Shakir bin Md Saat dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer yang akan mengikuti program latihan di Infineon bagi tempoh enam bulan dibawah bimbingan Mr. Lee Cheong Chee (Infineon). Fokus utama latihan adalah berkaitan dengan kepimpinan. Syabas dan Tahniah diucapkan!



CEO FACULTY PROGRAMME BERSAMA SAMSUNG DI KAMPUNG ULU TUAL

Oleh: Mohd Erwan bin Md Yusop, Pejabat Timbalan Naib Canselor (A&A)

Kuala Lipis: Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) melaksanakan aktiviti kesukarelawan *Nanum Village A Community Sharing Programme* bagi membantu penduduk kampung orang asli di Kampung Ulu Tual, Kuala Lipis. Program ini dijalankan melalui Pusat Pembangunan Komuniti dan I-COE (PPK & I-COE), Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dengan kerjasama Samsung Malaysia. Penganjuran Program ini turut diselitikan dengan aktiviti *CEO Faculty Programme* UTeM bersama Datuk Roh Jae Yeol, Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Korporat Samsung. Turut hadir pada program tersebut adalah Prof. Madya Dr. Arham Abdullah, Pengarah Bahagian Hubungan Industri Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Seramai 18 orang pelajar UTeM bersama-sama dengan sukarelawan Samsung telah menjayakan aktiviti bersama kanak-kanak di Pusat Didikan Komuniti pada program tersebut. Antara aktiviti *CEO Faculty Programme* yang diatur adalah demonstrasi robot yang dikenali sebagai "ROBO-ROBO" yang menggunakan gajet dari Samsung. Pengunjung yang hadir ke tapak demonstrasi robot berpeluang mengambil bahagian dalam pertandingan robot yang dianjurkan.



1,000 PELAJAR SERTAI JELAJAH UPU MELAKA 2017

Oleh: Mohd Erwan bin Md Yusop, Pejabat Timbalan Naib Canselor (A&A)



The banner features logos for UTeM, JPT, and the Malaysian government. It includes a central graphic with the text 'PROGRAM JELAJAH UPU MELAKA 2017' and 'MARI MASUK IPT'. To the right, there are colorful speech bubbles containing the text 'Taklimat UPU Online', 'Lawatan ke Makmal Kejuruteraan', 'Kuiz', and 'Booth Pameran'. At the bottom, it states the event is organized by Puan Mazula Binti Sabudin, Pengarah, Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, on 2 Nov 2017 from 8.00 pagi to 4.00 petang at the Kampus Teknologi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Logos for 'UPU ONLINE' and 'SOARING UTM A&A' are also present.



Melaka: Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Pejabat Pendidikan Daerah Melaka Tengah telah menganjurkan Program Jelajah UPU Melaka – ‘Mari Masuk IPT’ di Kampus Teknologi, UTeM. Program ini bertujuan menyebarkan peluang pendidikan tinggi di Universiti Awam dan institusi latihan awam di Malaysia. Ia juga merupakan sebahagian dari kaedah penyampaian kepada pelajar tingkatan 5 dan 6 yang akan memohon kemasukan ke Universiti awam dan institusi latihan. Melalui program ini, UTeM mengambil bahagian dalam mempromosikan penawaran program akademik serta fasiliti pengajaran yang terdapat di Kampus Teknologi.



Program tersebut telah dirasmikan oleh Puan. Mazula Sabudin, Pengarah BPKP dan turut dihadiri oleh Profesor Datuk Dr. Mohd Razali Bin Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dan Encik Halim Bin Abdul Malek, Pegawai Pendidikan Daerah Melaka Tengah.

Penyertaan dikalangan pelajar amat menggalakkan, iaitu seramai 1000 pelajar hadir dari sekolah sekitar Melaka Tengah. Antara pengisian yang telah dilaksanakan pada program tersebut adalah sesi taklimat *UPUonline*, ceramah motivasi dan lawatan ke booth pameran dari Universiti Awam dan Institusi Latihan.



UTeM selaku tuan rumah telah memberi kelainan penganjuran program Jelajah UPU Melaka kali ini, dengan membawa para pelajar untuk mengeksplorasi kemudahan makmal kejuruteraan yang telah dibangunkan di Kampus Teknologi. Aktiviti interaktif melibatkan pelajar bersama Duta FTK dan tenaga pengajar turut diadakan semasa lawatan ke makmal-makmal kejuruteraan. Kampus berteknologi tinggi ini digunakan sebagai makmal pengajaran yang berkonsepkan “*teaching factory*”. Hampir 100 makmal kejuruteraan telah dibangunkan dan merupakan elemen penting dalam pengajaran akademik di Fakulti Teknologi Kejuruteraan.

Paparan Sepanjang JELAJAH UPU MELAKA 2017



KARNIVAL e-PEMBELAJARAN

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Oleh: Profesor Dr. Sazilah binti Salam,
Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran (PSTP)

Pada 27 Julai 2017, Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran (PSTP) telah menganjurkan Karnival e-Pembelajaran UTeM 2017 (eLC2017). eLC2017 telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh. Objektif utama penganjuran karnival ini adalah untuk menggalakkan para akademik supaya lebih giat dalam meningkatkan kualiti dan keberkesanan inovasi e-Pembelajaran. Ia juga merupakan medan perkongsian ilmu serta bertujuan untuk mengenalpasti inisiatif inovasi e-Pembelajaran yang berkualiti dan layak dimajukan untuk diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

YB Menteri telah menyampaikan 5 kategori Anugerah Inovasi ePembelajaran iaitu *The Most Active ULearn Course Page Award*, *The Most Active UTeM MOOC Award*, *The Best UTeM MOOC Award*, *The Best UTeM OCW Award*, dan *The Best UTeM iBook Award*. Karnival tersebut telah menerima sebanyak 60 penyertaan dari UTeM dan IPT luar dalam pertandingan inovasi di bawah 9 kategori pertandingan termasuk MOOC, OCW, *iBook*, *Mobile Apps*, LMS dan inovasi e-Pembelajaran. Selain pertandingan, pelbagai aktiviti lain seperti pameran, dan bengkel turut diadakan. Semasa karnival tersebut, YB Menteri juga telah merasmikan Pusat e-Pembelajaran Negara (myCeL) yang berfungsi sebagai platform dalam membantu semua universiti awam mempercepatkan lagi proses pembangunan pendidikan digital di seluruh universiti dalam negara.

YB Menteri telah menyampaikan 5 kategori Anugerah Inovasi ePembelajaran iaitu *The Most Active ULearn Course Page Award*, *The Most Active UTeM MOOC Award*, *The Best UTeM MOOC Award*, *The Best UTeM OCW Award*, dan *The Best UTeM iBook Award*.

Pencapaian UTeM MOOC 2017

Sejajar dengan hasrat YB Menteri dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) PPPM(PT), sehingga September 2017, UTeM telah siap membangunkan dan menawarkan lapan (8) kursus MOOC melalui platform Malaysia MOOC iaitu Pemikiran Kritis dan Kreatif, Mandarin, Pengenalan Kepada Pangkalan Data, Teknologi Keusahawanan, Teknik Pengaturcaraan, Sistem Multimedia, Bahasa Jepun dan Keselamatan Data. Berdasarkan Garis Panduan Pindah Kredit MOOC yang dikeluarkan oleh pihak Akreditasi Kelayakan Malaysia (MQA), pelajar-pelajar dan bakal pelajar UTeM yang telah berjaya menamatkan kursus secara MOOC akan diiktiraf melalui pindah kredit MOOC.





OPEN TO ALL

26 - 27 September 2017
USIM, Nilai, Malaysia

Awards • Exhibitions • Forum • Competitions •
Performances • Conference

+6 06-798 6276 / 6462
iucel2017@usim.edu.my

INTERNATIONAL UNIVERSITY CARNIVAL ON e-LEARNING

Oleh: Profesor Dr. Sazilah binti Salam, Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran (PSTP)

TAHNIAH!

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyertai *International University Carnival on e-Learning* (IUCEL 2017) yang telah diadakan di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Negeri Sembilan dan dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi Dato' Seri Idris Jusoh pada 26 - 27 September 2017 yang lalu.

Objektif IUCEL 2017 dianjurkan adalah untuk mempromosi, meneroka dan berkongsi amalan terbaik dan kepakaran global dalam aplikasi e-Pembelajaran di semua peringkat institusi pembelajaran dari seluruh dunia.

UTeM telah menghantar 4 penyertaan dan berjaya memperoleh 3 pingat emas dan 1 pingat perak.

Penyertaan yang memenangi Pingat emas adalah:
Supporting Language Learning With Multi-Modal Interactivity

Oleh : Sazilah Salam dan Cheong Kar Mee

Wearable Technology In Education To Enhance Technical MOOC

Oleh : Siti Feirusz Ahmad Fesol, Sazilah Salam dan Norasiken Bakar

Gamified e-Learning Site Based On Student Intelligence To Increase Student Motivation

Oleh : Siti Nurul Mahfuzah dan Ahmad Zaki Yamani

Sementara itu, penyertaan yang memenangi pingat perak adalah:

Enhancing Learning Experience Using Mandarin MOOC

Oleh : Sazilah Salam, Cheong Kar Mee dan Tan Poh Ee

Kesemua 4 penyertaan merupakan ahli kumpulan penyelidikan *Pervasive Computing & Educational Technology* (PET).

Tahniah kepada semua peserta!



PENDAFTARAN PELAJAR BARU PROGRAM SEPARA MASA

Oleh: Sharifah Aishah Syd Ismail, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (PPSH)



Pada 14 September 2017, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (PPSH) telah menerima seramai 36 orang pelajar program Ijazah Sarjana Muda secara separa masa di bawah Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK). Pendaftaran kemasukan kali pertama bagi sesi 2017/2018 telah diadakan di Samsung IoT, Kampus Teknologi, UTeM.

Taklimat akademik turut diberikan kepada semua pelajar oleh Penyelaras bertujuan memberi pendedahan mengenai kursus dan sesi pembelajaran yang akan dijalankan. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada pelbagai bidang kerjaya yang berkaitan, agensi swasta dan kerajaan yang telah dipilih bersesuaian bagi menyambung pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda secara separa masa. Tempoh pengajian minimum selama lima (5) tahun hingga maksimum ke sepuluh (10) tahun.

Fokus ini tidak terhad kepada tenaga kerja sedia ada, malah turut meliputi individu di luar sistem formal, yang tidak bekerja atau bersara. Kini, PPSH membuka peluang untuk kemasukan bagi bulan Februari 2018 kepada yang berminat untuk mendapatkan kemahiran berkualiti serta latihan pembelajaran berterusan di UTeM. Sebarang pertanyaan mengenai program separa masa boleh berhubung di talian 06-234 6224.

IJAZAH SARJANA MUDA SEPARA MASA UTeM

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (FKE)

- IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRIK DENGAN KEPUJIAN
- IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN MEKATRONIK DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER (FKEKK)

- IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (FKM)

- IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN MEKANIKAL DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (FKP)

- IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN PEMBUATAN DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (FTMK)

- IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (PEMBANGUNAN PERISIAN) DENGAN KEPUJIAN
- IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (RANGKAIAN KOMPUTER) DENGAN KEPUJIAN
- IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (MEDIA INTERAKTIF) DENGAN KEPUJIAN


FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (FTK)

- IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (KUASA INDUSTRI) DENGAN KEPUJIAN
- IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (TEKNOLOGI AUTOMOTIF) DENGAN KEPUJIAN
- IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (TELEKOMUNIKASI) DENGAN KEPUJIAN

Maklumat lanjut, sila hubungi:
**Pusat Pembelajaran Sepanjang
 Hayat (PPSH)**
 Universiti Teknikal Malaysia Melaka,
 Hang Tuah Jaya,
 76100 Durian Tunggal,
 Melaka

 06-234 6392/ 6224/ 6207

 pps@utem.edu.my
 www.utem.edu.my/pps

 Pusat Pembelajaran Sepanjang
 Hayat (PPSH)

INTERNATIONAL ACTIVITIES / MoU / MoA

By : Mohd Fahim bin Mohd Mokhtar, International Office



Membership of International Organizations



ASEAN European Academic University Network (ASEA UNINET)

Network of 80 Universities from 20 different countries in Europe and Southeast Asia.



International Association of Universities (IAU)

Network of 633 institutions and 33 organizations all around the world.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Eurasian University Union (EURAS)

Network of 94 universities in Europe, Asia and Middle East.



Association of Southeast Asian Institutions of Higher Learning (ASAHL)

Network of 198 universities in Asia, Europe and Oceania.



University Mobility in Asia and the Pacific (UMAP)

Network of 570 universities in the Asia Pacific Region.



Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle University Network (IMT-GT Uninet)

Network of 24 universities in Indonesia, Malaysia and Thailand.



ATU-Net

Asia Technological Universities Network (ATU-Net)

Network of 22 universities from 10 countries in Asia.





KEANGGOTAAN UTeM DALAM IMT-GT UNINET

Oleh : Mohd Fahim bin Mohd Mokhtar, Pejabat Antarabangsa

Bertempat di Syiah Kuala University, Banda Aceh, Indonesia telah berlangsung Majlis menandatangani dokumen keahlian IMT-GT Uninet pada 23 Mei 2017 yang turut disertai oleh Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

IMT-GT Uninet merupakan jaringan global universiti-universiti ahli dari 3 buah negara iaitu Indonesia, Malaysia dan Thailand. Pada masa ini keahlian terdiri dari 12 universiti dari Indonesia, 8 dari Malaysia dan 4 buah dari Thailand. Antara matlamat utama kewujudan permuafakatan ini adalah untuk saling membantu dari segi pengukuhan ekonomi dan sosial di rantau Asia Tenggara.

Dengan adanya kerjasama ini peranan dari segi penyelidikan dan perkongsian ilmu dapat dimanfaatkan secara bersama dalam komuniti Asia Tenggara. Justeru, UTeM melihat kerjasama ini sebagai sesuatu yang menambah nilai kepada potensi pengantarabangsaan, di samping mempromosikan bidang teknikal sebagai tarikan utama kepada pembangunan sumber manusia.

UTeM ANGGOTA ASIA TECHNOLOGICAL UNIVERSITY NETWORK (ATU-Net)

Oleh : Mohd Fahim bin Mohd Mokhtar, Pejabat Antarabangsa

Pada 9 Ogos 2017 bertempat di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah berlangsung Majlis Menandatangani dokumen keahlian *Asia Technological University Network* (ATU-Net) sempena berlangsungnya Mesyuarat Majlis Lembaga ATU-Net.

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) juga telah diberikan mandat untuk turut serta dalam keanggotaan tersebut. ATU-Net merupakan jaringan universiti-universiti yang berfokuskan teknologi di Asia. Pada masa ini keahliannya terdiri dari 22 buah universiti dari 10 buah negara termasuk Brunei, Thailand, Indonesia, Filipina, Korea Selatan, Jepun, Pakistan, China, India dan Malaysia.

Antara matlamat utama penubuhan ATU-Net adalah untuk membuka peluang kepada pembangunan insan dari segi pengajaran dan kolaborasi penyelidikan melibatkan ahli-ahli pertubuhan. Selain itu, aktiviti mobiliti pelajar dan staf dapat dilaksanakan dengan ada platform ini. Dengan keanggotaan UTeM, fokus aktiviti mobiliti pelajar dan penyelidikan inovasi dapat diperkasakan sejajar dengan hasrat Negara.





LAWATAN INDUSTRI PELAJAR PASCASISWAZAH KE ViTrox TECHNOLOGIES

Oleh: Mohd Adnan bin Mohd Nayan (PPS)

Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dengan kerjasama Kelab Pascasiswazah (KePs) telah menganjurkan lawatan industri ke ViTrox Technologies, Pulau Pinang pada 18 Mei 2017. ViTrox Technologies merupakan syarikat yang membangunkan sistem pengujian automatik dalam industri pembungkusan dan semikonduktor. Taklimat mengenai syarikat telah disampaikan oleh En. Yean Tsen Lung, Eksekutif Pembangunan Manusia ViTrox Technologies. Seramai 30 orang pelajar telah menyertai lawatan ini yang bertujuan mendedahkan pelajar kepada persekitaran industri dan mengenalpasti bentuk-bentuk aktiviti penyelidikan yang boleh dijalankan melibatkan industri tersebut. Dengan lawatan ini diharapkan dapat meningkatkan lagi mutu penyelidikan yang dijalankan oleh para pelajar pascasiswazah UTeM seiring dengan keperluan semasa industri.



SIDANG KEMUNCAK PENDIDIKAN TINGGI EURASIAN 2017

Oleh : Mohd Fahim bin Mohd Mokhtar, Pejabat Antarabangsa

Sidang Kemuncak Pendidikan Tinggi Eurasian 2017 telah berlangsung dari 22 hingga 24 Mac 2017 di Istanbul Lutfi Kirdar International Convention and Exhibition Center, Turki. Sebagai ahli Eurasian Universities Union (EURAS), UTeM telah diberi peluang menyertai sidang kemuncak ini. Pelbagai aktiviti telah disertai oleh delegasi UTeM di sepanjang sidang kemuncak ini antaranya Bengkel *International Summer School*, Erasmus+ *International Credit Mobility (KA 107)*, *Quality and Rankings* dan *Choosing Effective Internationalization Instruments for your Institution*.

Sidang kemuncak ini juga telah disertai oleh universiti-universiti serata dunia dan ini merupakan potensi baik bagi UTeM untuk melonjakkan kerjasama antarabangsa dengan universiti-universiti yang menyediakan dana Mevlana Exchange Program (MEP) dan Erasmus+ selain universiti di negara-negara yang belum diterokai oleh UTeM.



Istanbul Lutfi Kirdar International Convention and Exhibition Center, Turki.

Penglibatan UTeM di dalam Sidang Kemuncak Pendidikan Tinggi Eurasian juga telah membuka peluang yang sangat banyak untuk diterokai terutamanya di dalam hubungan dan kerjasama antarabangsa.

LAWATAN PENANDA ARAS KE

gesturz

Oleh: Mohd Erwan bin Md Yusop, Pejabat Timbalan Naib Canselor (A&A)



Pada 23 Febuari 2017, delegasi Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) telah mengadakan kunjungan ke Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Shah Alam. Delegasi ini diketuai oleh Timbalan Pendaftar Kanan di Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Encik Wahi bin Nordin dan melibatkan 13 staf UTeM. Lawatan penanda aras ke Galeri serta perkongsian ilmu bersama Pensyarah Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (AD) telah disambut baik oleh pihak pengurusan GESTURZ.

Lawatan ini dimulakan dengan sesi taklimat pengurusan galeri seni dan sedikit penerangan mengenai sistem i-AMS pengurusan koleksi dan demontrasi yang disampaikan oleh Kurator Kanan GESTURZ, Encik Nurul Muzamil bin Rasidi. Seterusnya, program diteruskan dengan perkongsian ilmu dan pengalaman oleh Prof. Madya Ramlan Abdullah, Pensyarah daripada Jabatan Seni Halus.

Prof. Madya Ramlan Abdullah merupakan pakar dalam seni arca Negara dan telah menghasilkan banyak arca dalam dan luar negara seperti di Jepun dan Vietnam. Beliau turut berkongsi pengalaman dalam bidang penghasilan arca sedikit sebanyak telah membantu delegasi untuk mencapai objektif lawatan untuk menganjurkan pertandingan Rekabentuk Arca di UTeM. Perkongsian tersebut telah memberikan input yang baik dari segi garis panduan Pertandingan Rekacipta Arca yang akan diadakan.

Delegasi UTeM juga dibawa melawat Laman MIM bagi memahami proses penghasilan arca MIM yang dibina oleh Prof. Madya Ramlan Abdullah. Laman 'Mim' merupakan manifestasi falsafah bangsa Melayu. Ia digarapkan simbolik kepada perjuangan Melayu menjadi bangsa Merdeka, berilmu dan bermaruah. Falsafah laman 'Mim' ini diterjemahkan menerusi tiga faktor iaitu sejarah dan kebudayaan, kata-kata nasihat, kiasan, pantun, gurindam dan pedoman serta kesatuan penghayatan alam.



ESSENTIAL ENGLISH ORACY SKILLS FOR ACADEMICS

By : Dr. Muliati Hj Sedek



English has become the lingua franca of academic exchange and has been widely used in communications. In Malaysia, the government has prioritized the use of English at public universities in Malaysia. Academics in all subject areas are facing a new reality: seminars and lectures with a highly diverse and international student body that requires instruction through English. English as Medium of Instruction has become an important development in creating a truly university. The quality of academic teaching in this new context is a crucial issue for institutions, lecturers and students alike. Therefore, the Essential English Oracy Skills Programme for Academicians (EEOS) program has been proposed for academics in UTeM to empower English in teaching and learning activities.

In response, Centre for Teaching and Learning (CTL), UTeM has collaborated with the Language Department, Centre for Languages and Human Development in creating an EEOS program. This program is tailored for UTeM lecturers not only to enhance their communication and vocabulary skills in English language, yet at the same time to elevate the quality of teaching in higher education with the combination of innovative teaching methodology and linguistic practice.

This program is tailored for UTeM lecturers not only to enhance their communication and vocabulary skills in English language, yet at the same time to elevate the quality of teaching in higher education with the combination of innovative teaching methodology and linguistic practice.

It is an intensive 9 days program (3 series) which offers academics of all disciplines in UTeM to experience a real life or hands-on linguistic practices and teaching strategies in order to communicate in English confidently and effectively. It covers a variety of teaching contexts such as interactive lectures, individual and group presentation and one-to-one supervision situations. For the benefits of UTeM, this could mean that by enhancing the teaching quality of our academics and utilising English as a medium of instruction, will offer the ability to attract a more diverse of a student body as well as create a stronger international reputation.

REDESIGNING LEARNING FOR 21st CENTURY : A WAY FORWARD


Oleh: Noraini binti Buang, Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP)



Pusat Pembelajaran dan Pengajaran (PPP) UTeM telah mengorak langkah menganjurkan Bengkel dan Forum “*Redesigning Learning For 21st Century : A Way Forward*” pada 22 – 23 Ogos 2017. Program yang berlangsung selama dua hari ini, membincangkan keperluan merekabentuk semula pembelajaran dengan kaedah-kaedah baru termasuk pendekatan digital, *mobile learning*, *blended learning*, *massive open online courses (mooc)* dan penggunaan media sosial.

Program ini mendapat penyertaan yang mengalakkan dikalangan peserta Maktab Perguruan Melayu Melaka, Kolej Matrikulasi Melaka, Kolej Universiti Islam Melaka dan warga UTeM. Antara panel yang dijemput hadir ke sesi perkongsian ilmu adalah YBhg. Dato’ Mohamed Amin Embi (UKM), Profesor Dr. M. Iqbal Sariipan (UPM) dan Profesor Dr. Burairah Hussin (UTeM).

Melalui forum ini jelas membuktikan bahawa terdapat keperluan untuk merekabentuk semula aktiviti pembelajaran dan pengajaran agar dapat disesuaikan dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0.



PUSAT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN CREATING HOLISTIC STUDENTS VIA ENTREPRENEURIAL JOURNEY

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



ENTREPRENEURIAL JOURNEY?

Entrepreneurial Journey is an enterprising programme that runs four times a year.

It is a 3 day 2 nights programme, teaching & learning :-

- Entrepreneurial Mindset
- Entrepreneurial Capability
- Entrepreneurial Practices

IMPACT PROGRAM

- Effectively exposed 600 students to entrepreneurship in 10 series of EJ.
- Successfully created 347 student entrepreneurs while studying @ UTeM
- Successfully created 118 student entrepreneurs after graduations



PROGRAM “DOUBLE DEGREE” ANTARA UTeM - HsH, JERMAN

Oleh: Noor Asyikin binti Sulaiman, FKP

Pada 9 Jun 2017 (Jumaat) telah berlangsung Majlis Penyerahan Mock Biasiswa kepada pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang mengikuti program *Double Degree* dan *Mobiliti Outbound* di University of Applied Sciences And Arts (HsH) Hannover, Jerman. Majlis ini disempurnakan oleh Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib, Naib Canselor UTeM dan turut dihadiri oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE).

UTeM merupakan antara universiti awam yang menawarkan Program *Double Degree* kepada pelajar. ‘*Double Degree*’ merupakan program yang membolehkan pelajar memperoleh ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan daripada UTeM dan HsH setelah pelajar menyempurnakan kurikulum yang ditetapkan di kedua-dua universiti untuk bergraduasi. Program yang ditawarkan bagi ‘*Double Degree*’ adalah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan manakala di HsH adalah Program Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal. Seramai 5 pelajar Fakulti Kejuruteraan Pembuatan akan mengikuti program ini selama setahun di Jerman. Turut serta ke Jerman adalah pelajar yang mengikuti Program *Mobiliti Outbound*, iaitu seramai 3 pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik yang akan berada di HsH selama satu semester.



Sehubungan dengan itu, Majlis Penyerahan Mock Biasiswa kepada pelajar UTeM yang mengikuti Program *Double Degree* ini telah menerima sebanyak RM 39,605.00 seorang berdasarkan latar belakang pendapatan keluarga menerusi Skim Erasmus+ dan juga Tabung Mobiliti Pelajar UTeM. Manakala Program *Mobiliti Outbound* pula telah menerima sebanyak RM24,605.00 seorang menerusi Skim Erasmus+.

AUTODESK MALAYSIA DESIGN COMPETITION (AMDC) 2016

Oleh: Dr. Shafizal bin Mat, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal



Autodesk Malaysia Design Competition (AMDC) adalah sebuah pertandingan berprestij yang dianjurkan sejak 2005 oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan kerjasama Autodesk Malaysia dan Prestariang. Pertandingan ini terbuka kepada semua pelajar IPT dan pada tahun ini, penyertaan dikalangan pelajar menggalakkan lebih 500 kumpulan. Hasil rekaan 3D peserta telah dinilai oleh para panel yang terdiri daripada jurutera dan arkitek yang berpengalaman, penilaian mengambil kira aspek kesempurnaan model prototaip, kreativiti dalam penghasilan model, poster dan juga persembahan video animasi.

FKM telah berjaya diumumkan sebagai Naib Johan (Advanced) dan mendapat kedudukan Ketiga (Intermediate) bagi Kategori Rekabentuk Industri.

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) telah menghantar sebanyak 13 penyertaan, iaitu 10 penyertaan adalah daripada pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal dan 3 daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk & Inovasi). FKM telah berjaya diumumkan sebagai Naib Johan (Advanced) dan mendapat kedudukan Ketiga (Intermediate) bagi Kategori Rekabentuk Industri. Tahniah diucapkan kepada pemenang dan Penasihat, iaitu Dr. Faiz Redza Ramli dan Dr. Shafizal Mat kerana telah mengharumkan nama UTeM sehingga dinobatkan sebagai *Best Institution Award* di dalam pertandingan tersebut. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching pada 8 Mei 2017 bertempat di Kementerian Pengajian Tinggi Putrajaya.



KENALI ALUMNI

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Oleh : Mokhtar Aman, Pejabat Jaringan Industri dan Masyarakat

2016

UTeM delivers a high level of education specially in technical area, that supports my carrier and made my name in my field, proud to be UTeM Alumni.



Mustafa Musa Jaber
Nabu Research Academy
Sdn. Bhd.

2005


With all knowledge and hands-on, established university, nowadays UTeM experience that gain in KUTKM, I demonstrated to my employer that KUTKM is comparable with local establish university even also international university. Nowadays, name of UTeM has become the title of employer and becomes the best Technical University in Malaysia. Congratulations UTeM, good luck and we're proud of you.



Zaini bin Ahmad
Senior DCS Engineer

2007

I came to UTeM (KUTKM) with 0 computer / ICT knowledge. FTKM is the place where I gained everything. With Zero "Hands-On" learning approach really prepared me to be industry ready.



Chang Gee Guan
Solutions Architect
TechnoDex Solutions
Sdn Bhd

2012

UTeM has great facilities that provide a comfortable learning environment for students. The practical "hands on" emphasis of UTeM complemented the theoretical classes conducted to give a whole-rounded education to students. Overall I have a positive experience studying here and no doubt that i would recommend to anyone.



Quah Gar Phing
Lead Consultant Systems

2016


UTeM provides a solid education and definitely is a great platform for me to pursue and expand my knowledge in Information Technology, I am proud to be a graduate from UTeM.



Teh Lee Leng
Management Information
System(MIS) Analyst

2017

The exposure and experience i gained here are beyond priceless. This is the place that shaped and molded me into somebody great. The best technical university ever!.



Mohd Asri bin Ishak
IT Executive
Lantec Fareast

Aktiviti

PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)





UTeM



Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia.
Telefon: +606-555 2011 Fax: +606-331 6112

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

